



Istana Arau

Saksikan Kebolehan Pelajar Kejuruteraan

Oleh : Cik Rosernifariza Ramlan dan Pn. Mashitoh Abu

24 Feb 2009 Pelajar UniMAP melangkah satu tapak ke hadapan lagi apabila diberi kepercayaan untuk membuat persembahan di Istana Arau oleh DYMM Tuanku Raja Perlis dan DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis. Majlis Santapan Malam yang diadakan sempena meraikan lawatan rasmi Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak & Y.Bhg. Toh Puan ke Negeri Perlis itu menyaksikan buat pertama kalinya Pelajar UniMAP mempersembahkan bakat dan kebolehan mereka dihadapan Tetamu Diraja.

Antara persembahan yang dipersembahkan ialah Tarian Layang Sari di Awan, Tarian Terinai dan Tarian Canggung. Tarian Terinai dan Tarian Canggung adalah tarian yang berasal dari Negeri Perlis manakala Tarian Layang Sari di Awan berasal dari tarian istana iaitu Tarian Layang Mas. Selain itu, Saudari Afaf & Saudara Libren turut mempersembahkan Puisi yang masing-masing bertajuk Kemerdekaan dan Sejahtera TYT Sarawak.

Turut berangkat pada majlis tersebut DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis serta Menteri Besar Perlis dan Ketua Jabatan Negeri.